



23 November 2017
23 November 2017
P.U. (A) 357

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA (PINDAAN JADUAL 2) 2017

SECURITIES COMMISSION MALAYSIA (AMENDMENT OF SCHEDULE 2) ORDER 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA 1993

PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA
(PINDAAN JADUAL 2) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 159A Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [*Akta 498*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Pindaan Jadual 2) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 24 November 2017.

Pindaan Jadual 2

2. Jadual 2 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 dipinda—

(a) dalam perenggan 2—

(i) dalam subperenggan (1), dengan menggantikan perkataan “Seseorang pengerusi eksekutif” dengan perkataan “Seseorang pengerusi bukan eksekutif”; dan

(ii) dalam subperenggan (2)—

(A) dengan menggantikan perkataan “tiga” dengan perkataan “dua”; dan

(B) dengan memotong perkataan “selama tidak lebih daripada dua penggal”;

(b) dalam perenggan 3, dengan menggantikan perkataan “Pengerusi eksekutif dan anggota bukan eksekutif” dengan perkataan “Anggota”;

- (c) dalam subsubperenggan 4(1)(d), dengan memasukkan selepas perkataan “tanpa kebenaran” perkataan “pengerusi bukan eksekutif, dan dalam hal pengerusi bukan eksekutif, tanpa kebenaran”;
- (d) dalam perenggan 5—
- (i) dengan menggantikan perkataan “pengerusi eksekutif” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “pengerusi bukan eksekutif”;
- (ii) dalam subperenggan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “tiga orang” perkataan “, yang salah seorang daripadanya hendaklah pegawai eksekutif atau pegawai Suruhanjaya yang ditentukan oleh Pengerusi di bawah subperenggan (2A)”;
- (iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (2) subperenggan yang berikut:
- “(2A) Jika, atas apa-apa sebab, pegawai eksekutif tidak boleh hadir mana-mana mesyuarat Lembaga Pemantauan Audit, Pengerusi hendaklah menentukan seorang pegawai Suruhanjaya untuk hadir mesyuarat itu sebagai ganti pegawai eksekutif.
- (2B) Apabila menghadiri suatu mesyuarat sebagai ganti pegawai eksekutif, pegawai yang ditentukan di bawah subperenggan (2A) hendaklah mempunyai hak, kuasa, kewajipan dan obligasi yang sama sebagaimana pegawai eksekutif.”; dan
- (iv) dalam subperenggan (4), dengan memasukkan selepas perkataan “yang hadir” perkataan “, termasuklah pegawai Suruhanjaya yang ditentukan oleh Pengerusi di bawah subperenggan (2A),”.